



Taman tema bakal dibuka di Atria Shopping Gallery

Kerjasama dengan PeopleUp Singapura untuk tambah nilai kepada komuniti, pelanggan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Pusat beli-belah Atria Shopping Gallery yang juga antara pusat perniagaan utama di Damansara Jaya akan membuka taman tema bagi memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pelanggan. Pengurus Besar Pajakan Run-

cit OSK Property Holdings Bhd, Samantha Lew, berkata taman tema itu adalah kerjasama dengan PeopleUp Singapura, sekali gus menjadi taman tema pertama PeopleUp di luar Singapura.

Beliau berkata, perkongsian itu juga bukan sekadar memperkenalkan jenama baharu bagi taman tema, tetapi ia lebih kepada mencipta hab setempat untuk keluarga, memberikan pengalaman yang menyeronokkan serta pembelajaran yang holistik.

"Taman tema PeopleUp ini dijangka akan mula beroperasi pada separuh pertama 2025. Kami percaya bahawa pembukaan taman tema ini kelak akan memberikan lonjakan kunjungan.

"Ketika ini purata kunjungan bulanan adalah sekitar 600,000 dan dengan adanya taman tema ini, ia akan menarik pengunjung

bukan saja dari kawasan setempat tetapi seluruh Lembah Klang," katanya selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di Petaling Jaya, semalam.

PeopleUp pemangkin utama

Lew berkata, kumpulan juga percaya PeopleUp akan memainkan peranan penting sebagai pemangkin utama dalam perjalanan transformasi Atria Shopping Gallery.

Beliau berkata, ia juga bukti komitmen OSK Property untuk mengatur ruang yang menambah nilai kepada komuniti dan berharap untuk mencipta masa depan yang bertenaga serta meningkatkan pengalaman pengunjung.

Katanya, dengan lebih 16 jenama anak syarikat di Singapura, PeopleUp memperlihatkan reputasinya untuk menyampaikan pengalaman yang inovatif, menarik



Lew (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Wei Quan pada satu majlis di Petaling Jaya, semalam. (Foto Aziah Azmee/BH)

dan berkesan untuk keluarga.

"Jenama utamanya, seperti Bouncy Paradise, taman permainan mengembung (*inflatable*) terbesar di Asia dan Dinoland, taman dinosaur dalaman yang pertama dan terbesar di Singapura dengan hutan hidup bersama-sama dengan VroomTown, bandar permainan pemanduan mega pertama untuk kanak-kanak berjaya merekodkan lebih setengah juta pengunjung setiap tahun.

"Justeru, kami yakin pengembangunan baharu di Atria Shopping Gallery akan dibangunkan berdasarkan kejayaan di Singapura, mempamerkan konsep menarik dan berorientasikan keluarga serta memperkenalkan pengalaman baharu yang disesuaikan dengan pasaran Malaysia," katanya.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif PeopleUp Singapore, Chris Tan Wei Quan pula berkata, Malaysia adalah negara pertama pembukaan taman temanya di luar Singapura.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai potensi perkembangan yang kukuh untuk taman tema berdasarkan kepada jumlah penduduk dan saiz tanah yang lebih besar.

"PeopleUp Atria Shopping Gallery dijangka mempunyai 20 jenama permainan yang disesuaikan dengan permintaan tempatan dan kami yakin ia akan mendapat sambutan.

"PeopleUp juga akan membuka tiga taman tema di Malaysia pada tahun depan selain meninjau pasaran lain seperti di Hong Kong dan Indonesia," katanya.